UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU)

Ucapan : Dr. Ong Kian Ming [Serdang]

Tajuk Ucapan : Badan Pemantauan Untuk Acara Larian

Tarikh Ucapan : 31 Julai 2017 (Isnin)

Kementerian : Kementerian Belia dan Sukan

Yang di-Pertua,

a) Acara larian di Malaysia telah sampai tahap populariti di mana hampir setiap minggu terdapat acara larian bukan sahaja di kawasan perbandaran di Selangor dan Kuala Lumpur tetapi juga di negeri lain seperti Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah. Ada acara larian besar besaran seperti Standard Chartered Kuala Lumpur Marathon dan Penang Bridge International Marathon dan juga acara larian yang kecil seperti larian 5km dan 10km.

b) Dengan penambahan acara larian, terdapat juga pihak yang tidak bertanggungjawab yang menganjurkan acara larian tetapi batalkan pada saat terakhir ataupun menukar tarikh larian tanpa memberi notis yang cukup dan tidak memberikan bayaran balik (refund) kepada para pelari.

c) Saya minta pandangan Menteri sama ada perlunya untuk mewujudkan satu badan pemantauan acara larian supaya hanya badan dan penganjur yang ada pengiktirafan daripada dan yang berdaftar dengan badan ini boleh mendapatkan pengesahan umum ataupun *'public endorsement'* untuk acara mereka? Penubuhan badan pemantauan boleh meningkatkan tahap acara larian di seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, acara larian yang tidak dapat pengiktirafan masih boleh dianjurkan tetapi ia bersifat *'run at your own risk'* di mana tidak ada apa-apa jaminan seperti bayaran balik dan tidak menukarkan tarikh tanpa notis yang cukup dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 34 Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) telah menetapkan bahawa badan sukan hendaklah memastikan penganjuran acara sukan mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukannya dalam semua perkara. Selain itu, Seksyen 36 Akta 576 menyatakan bahawa sebuah syarikat tidak boleh menjalankan apa-apa acara sukan tanpa mendapat kelulusan dahulu daripada Pesuruhjaya.

2. Antara syarat-syarat yang dikenakan dalam permohonan perlesenan di bawah Akta 576 adalah keperluan syarikat untuk memohon hak penganjuran daripada badan pengawal dalam jenis sukan yang hendak dianjurkan. Rasional keperluan syarat-syarat ini adalah untuk memastikan agar acara sukan tersebut dapat dipantau dan segala keperluan teknikal dalam acara sukan itu dapat dijalankan mengikut peraturan sukan antarabangsa.

3. Namun begitu, masih terdapat lagi pihak penganjur yang terus menganjur acara sukan tanpa mengikut prosedur yang betul dan peraturan penganjuran sukan di peringkat antarabangsa. Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan Tempatan dan PDRM (bermula pada tahun 2016) dalam memastikan tiada

penganjur boleh menjalankan apa-apa acara sukan tanpa mendapatkan kelulusan daripada semua pihak.

4. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan sedang menggubal peraturan mengenai penganjuran acara sukan. Peraturan ini turut mengambil kira mekanisme kawal selia penganjuran acara sukan termasuklah cadangan pindaan kenaikan denda daripada RM5,000 kepada RM500,000. Dalam pada masa yang sama, Kementerian sedang dalam proses meminda Akta 576 dengan menambah lebih banyak peruntukan baru dalam menguatkuasa pengawalseliaan oleh Kementerian dalam sebarang penganjuran acara sukan.

5. Pemindaan Akta 576 juga bertujuan supaya peruntukan di bawah Akta ini lebih komprehensif dan memberikan kuasa yang lebih khusus kepada Kementerian untuk mengawal selia perkara yang melibatkan sukan dan orang awam. Kementerian mengambil maklum perhatian Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini dan ingin menegaskan bahawa langkah jangka pendek dan panjang sudah diambil bagi memastikan mengatasi perkara ini.

Sekian, terima kasih.

***

Maklumat tambahan:

Kementerian ketika ini sudah mempunyai Jawatankuasa Penganjuran Sukan Antarabangsa bagi mengawal selia penganjuran acara sukan yang melibatkan penyertaan daripada negara-negara lain. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 33 Akta 576 yang menyatakan bahawa tiada seseorang boleh membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa acara sukan antarabangsa tanpa kelulusan bertulis Menteri.

Antara acara-acara sukan antarabangsa yang tidak melalui prosedur yang telah disediakan di bawah Kementerian adalah seperti Melaka Internasional Century Ride 2016 yang membatalkan penganjuran pada saat-saat akhir kerana masalah kewangan.

Secara dasarnya, peruntukan Akta sedia ada adalah mencukupi dan tiada keperluan untuk mewujudkan sebuah badan pemantauan acara larian.

STATISTIK PENGELUARAN LESEN DAN KEBENARAN PENGANJURAN ACARA SUKAN

	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Pengeluaran Lesen	38	24	34	49	35	32
Kebenaran Penganjuran	41	30	42	44	38	28
JUMLAH	79	54	76	93	73	60

STATISTIK PENGELUARAN LESEN DAN KEBENARAN PENGANJURAN ACARA SUKAN 2017

	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah Tahunan
Pengeluaran Lesen	3	3	3	9	2	8	4						32
Kebenaran Penganjuran	4	9	4	4	5	2	0						28
Jumlah Bulanan	7	12	7	13	7	10	4						60